

Op Hazard 2.0: Premis kemungkinan dibayar untuk terima sisa elektronik haram dari negara luar – JAS

19 Jun 2025, 6:03pm

29
Shares

f Share

X Tweet

Share

Email



KUALA LUMPUR: Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendedahkan bahawa siasatan awal mendapati terdapat kemungkinan premis-premis yang memproses sisa elektronik haram yang diserbu dalam Op Hazard 2.0 dibayar oleh pihak tertentu untuk menerima sisa berkenaan dari negara luar.

Menurut Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAS, Rosli Zul, bahan berkenaan kemudiannya akan diproses secara haram, yang boleh membawa risiko berbahaya kepada alam sekitar dan manusia.

"Ini modus operandi untuk memproses bahan ini. Kalau ikut perundangan, jika mengendalikan bahan ini, perlu ada alat kawalan dipasang untuk pastikan elemen pencemar (bahan berbahaya) dalam sisa elektronik itu dapat ditapis supaya pembebasannya berada pada tahap selamat.

"Kilang haram ini tidak melaksanakan alat kawalan, melalui proses peleburan, diasingkan barang bernilai dan sisa. Senarinya bahan yang kita hantar (sisa elektronik) ke premis kurang nilainya tetapi apabila diproses boleh menjadikan barang bernilai. Kemungkinan syaikat ini menerima bayaran tapi bukan mereka beli," katanya.

Tambahnya, Malaysia menjadi tumpuan negara-negara maju untuk menghantar sisa elektronik kerana kos pemprosesan yang terlalu mahal di negara mereka.

"Walaupun jumlahnya kecil, tetapi hasil (selepas) proses mempunyai nilai yang begitu tinggi. Kilang ini hampir tidak mengeluarkan duit bahan mentah dapat, produk (selepas proses) pun dapat dengan nilai.

"Berdasarkan rekod, di Pelabuhan Klang kita berjaya menahan 600 kontena. Negara-negara terlibat adalah negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah.

"Kerana mereka bimbang (tahap keselamatan), sebab itu bawa masuk ke negara-negara yang masih terbuka menerima e-waste. Di Malaysia, dasar perundangan tidak membenarkan e-waste daripada negara luar," jelasnya lagi.

Beliau berkata demikian dalam sidang media bersama Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Datuk Seri Azmi Abu Kassim, di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, hari ini.